



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP9 : GARIS PANDUAN MENGENAI PENGAMBILAN SIMPANAN KHAS DAN DEPOSIT ATAU PENERIMAAN PINJAMAN

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B, perenggan 50(d) dan 50(e) Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memantau dan mengawal koperasi yang menjalankan aktiviti pengambilan simpanan khas dan deposit atau menerima pinjaman.

LATAR BELAKANG

2. Sumber dana penting selain syer dan yuran anggota bagi membolehkan koperasi menjalankan perniagaan ialah antaranya melalui pengambilan simpanan khas dan deposit untuk tujuan tertentu dan pinjaman daripada anggota atau bukan anggota.

3. Aktiviti pengambilan simpanan khas dan deposit oleh koperasi hendaklah dilaksanakan secara berhemat dan mengikut peruntukan undang-undang agar anggotanya memperoleh manfaat. Ini adalah kerana aktiviti tersebut memberi tumpuan kepada memobilisasi deposit anggota atau bukan anggota untuk

memperoleh pulangan. Di samping itu, deposit adalah merupakan tanggungan koperasi kepada pendepositnya di mana koperasi mempunyai obligasi untuk membayar balik amaun deposit termasuk pulangan apabila cukup tempohnya.

4. Secara ringkas, deposit merangkumi tiga (3) elemen penting iaitu:

- (a) penerimaan atau pengambilan deposit oleh penganjur skim;
- (b) pemulangan, pengembalian atau penyerahan balik deposit berserta faedah atau pulangan dalam bentuk tunai atau apa-apa nilai wang; dan
- (c) jangka masa deposit ditetapkan oleh penganjur skim atau deposit boleh diambil semula atas permintaan pendeposit.

5. Aktiviti penerimaan pinjaman juga perlu dilaksanakan dengan berhemat dan mengikut peruntukan undang-undang agar koperasi tidak meminjam dengan keterlaluan dalam usaha memperoleh sumber dana dan pinjaman tersebut hendaklah digunakan secara efektif. Keupayaan koperasi untuk meminjam antara lain bergantung kepada kedudukan kewangan, kecukupan modal, kewujudan cagaran yang mudah ditunaikan, keupayaan pengurusan dan keadaan ekonomi semasa.

Senario Semasa

6. Kebelakangan ini, Suruhanjaya mendapati pelbagai iklan dan tawaran melalui internet dan risalah-risalah mengenai program-program perniagaan bercirikan 'skim cepat kaya' yang ditawarkan oleh koperasi-koperasi kepada orang awam yang menjamin pulangan lumayan sehingga ada yang menawarkan pulangan pelaburan sehingga sepuluh peratus (10%) pulangan/dividen setiap bulan. Risalah-risalah ini

telah disebarakan secara meluas di tempat-tempat awam seperti stesen bas dan di masjid-masjid.

7. Aktiviti pengambilan deposit secara haram adalah suatu perbuatan menerima, mengambil atau menyetujui terima deposit daripada orang awam atau pelabur, yang menjanjikan pembayaran semula deposit tersebut biasanya dengan faedah atau pulangan tanpa mempunyai satu lesen yang sah di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.

8. Aktiviti pengambilan deposit secara haram sering kali digambarkan mampu memberi kadar faedah atau pulangan yang tinggi atau tidak realistik dalam suatu masa yang singkat berbanding dengan institusi-institusi berlesen yang lain. Bagaimanapun, skim-skim seperti ini tidak boleh bertahan lama.

9. Aktiviti pengambilan deposit adalah dibenarkan kepada koperasi untuk menyediakan perkhidmatan kepada anggotanya selaras dengan peruntukan Akta. Namun ianya hendaklah dilaksanakan secara berhemat dan bagi manfaat anggota koperasi.

10. Sehubungan itu, garis panduan perlu disediakan untuk mengawal aktiviti pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman oleh koperasi. Bagi koperasi yang ingin menjalankan aktiviti pengambilan deposit yang melibatkan penyertaan anggota dan pihak lain yang dibenarkan dalam skim pelaburan, rujukan hendaklah dibuat kepada **GP10 : Garis Panduan Mengenai Skim Pelaburan Khas.**

**BAHAGIAN B : AKTIVITI PENGAMBILAN SIMPANAN KHAS
DAN DEPOSIT ATAU PENERIMAAN PINJAMAN**

SUMBER DANA

11. Bagi maksud perniagaannya, koperasi boleh menerima wang melalui –
- (a) simpanan khas daripada anggotanya menurut perenggan 50(d) Akta; atau
 - (b) mengambil deposit atau meminjam wang daripada anggota dan bukan anggota menurut perenggan 50(e) Akta.
12. Koperasi boleh menerima deposit atau pinjaman daripada:
- (a) anggotanya yang terdiri daripada –
 - (i) individu; atau
 - (ii) koperasi.
 - (b) bukan anggota, tertakluk kepada kelulusan bertulis Suruhanjaya dan undang-undang kecil koperasi, yang terdiri daripada –
 - (i) individu;
 - (ii) koperasi;
 - (iii) institusi kewangan;

- (iv) syarikat berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia, badan kebajikan, badan kerajaan dan badan berkanun kerajaan; atau
- (v) penyedia dana asing (*foreign fund provider*).

13. Koperasi boleh mengambil deposit atau menerima pinjaman daripada bukan anggota tertakluk kepada had maksimum keterhutangannya dengan mengambil kira deposit atau pinjaman yang sedia ada.

14. Bagi tujuan mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Suruhanjaya untuk permohonan penerimaan pinjaman daripada bukan anggota, koperasi perlu mengemukakan maklumat yang lengkap seperti di **Lampiran 1**.

SYARAT-SYARAT AM

15. Sebelum menjalankan aktiviti pengambilan simpanan khas dan deposit atau penerimaan pinjaman, koperasi hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) undang-undang kecil koperasi mempunyai peruntukan berkenaan aktiviti pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman;
- (b) kelulusan mesyuarat agung untuk menentukan had maksimum keterhutangan koperasi;
- (c) mewujudkan aturan bertulis berkenaan pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman yang diluluskan dalam mesyuarat agung;

- (d) menyediakan prospektus bagi setiap produk pengambilan simpanan khas dan pengambilan deposit yang ditawarkan serta mendapatkan kelulusan bertulis Suruhanjaya;
- (e) mengadakan perjanjian pinjaman antara koperasi dan pemberi pinjaman; dan
- (f) mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain, sekiranya perlu.

Kandungan Aturan

16. Tujuan aturan diwujudkan adalah untuk menerangkan kepada anggota mengenai tatacara sesuatu aktiviti koperasi. Aturan hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- (a) tajuk;
- (b) objektif;
- (c) definisi;
- (d) sumber dan kegunaan kewangan;
- (e) pentadbiran dan pengurusan;
- (f) proses aliran kerja (termasuk dasar mengenai penerimaan dan pengeluaran deposit/simpanan khas dan dasar mengenali pelanggan);
- (g) tugas-tugas, tanggungjawab dan kuasa pihak yang terlibat; dan
- (h) pengurusan kewangan, risiko dan audit.

SIMPANAN KHAS DAN DEPOSIT

Prospektus Untuk Produk Pengambilan Simpanan Khas Dan Deposit

17. Sebelum melaksanakan aktiviti pengambilan simpanan khas dan deposit, koperasi hendaklah menyediakan prospektus. Tujuan prospektus dikeluarkan adalah untuk menerangkan kepada anggota/pelanggan perihal produk simpanan khas dan deposit yang akan diperkenalkan oleh koperasi. Prospektus tersebut hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- (a) pengenalan produk pengambilan simpanan khas dan deposit yang ditawarkan;
- (b) bagi produk simpanan khas, nyatakan saiz dana;
- (c) jangka masa produk yang ditawarkan. Bagi produk simpanan khas, jangka masanya hendaklah tidak kurang daripada satu tahun;
- (d) maklumat terperinci termasuk kategori, profil, pelaburan yang dibenarkan, pengurusan risiko, had pelaburan;
- (e) prestasi produk sepertinya (yang terdapat di pasaran);
- (f) tegasan kewangan (*financial highlights*) termasuk unjuran perolehan pendapatan/pulangan;
- (g) kumpulan yang disasar;
- (h) fi dan caj, perbelanjaan yang terlibat atau caj penalti yang dikenakan ke atas apa-apa pengeluaran sebelum tarikh matang;

- (i) faedah atau pulangan;
- (j) kemahiran, kepakaran sumber;
- (k) kaedah perakaunan dan pelaporan; dan
- (l) suatu perisytiharan oleh Lembaga koperasi bahawa produk berkenaan telah mematuhi garis panduan ini.

18. Prospektus yang disediakan oleh koperasi hendaklah –

- (a) jelas dan tiada pernyataan yang tersembunyi;
- (b) adil dan benar; dan
- (c) tidak mengelirukan.

Penetapan Kadar Pulangan Simpanan Khas Dan Deposit

19. Penetapan kadar pulangan ke atas pengambilan simpanan khas dan deposit oleh koperasi hendaklah berdasarkan kepada keperluan pendanaan dan strategi perniagaan koperasi. Walau apapun, koperasi hendaklah memastikan pemberian pulangan ke atas simpanan khas dan deposit adalah berpatutan agar ia memberi pulangan kompetitif kepada penyimpan atau pendeposit tetapi tidak membebankan koperasi.

20. Bagi koperasi yang menjalankan fungsi perbankan di mana terdapat produk deposit seperti di sektor perbankan, penetapan kadar pulangan hendaklah, secara minimum berasaskan kepada amalan sektor perbankan iaitu Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate – OPR*) yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. Apa-apa perubahan kepada kadar pulangan

bolehlah berpandukan kepada perubahan kadar faedah semasa dalam sektor kewangan.

21. Koperasi juga hendaklah memastikan kadar pulangan dipaparkan dengan jelas di premis perniagaannya.

Perlindungan Deposit

22. Koperasi boleh mempertimbangkan perkara-perkara berikut bagi melindungi pendeposit dan koperasi dengan –

- (a) mengambil perlindungan insurans bagi melindungi deposit;
- (b) mewujudkan kemudahan kredit yang disediakan oleh institusi perbankan (*standby credit line*); atau
- (c) mewujudkan satu skim tabung perlindungan pendeposit.

PINJAMAN

Syarat-Syarat Bagi Aktiviti Penerimaan Pinjaman

23. Kemampuan koperasi untuk meminjam bergantung kepada kedudukan kewangan, kecukupan modal, kewujudan cagaran yang mudah tunai, keupayaan pengurusan, suasana ekonomi semasa dan faktor-faktor lain. Sekiranya koperasi perlu meminjam bagi tujuan untuk mengembang perniagaannya dan menyediakan perkhidmatan kepada anggotanya, koperasi hendaklah memastikan satu perjanjian dimeterai dan bayaran balik dengan atau tanpa kadar pulangan untuk suatu jangka masa.

24. Perjanjian pinjaman tersebut hendaklah dipersetujui oleh peminjam dan pemberi pinjaman. Perjanjian mengandungi sekurang-kurangnya maklumat-maklumat berikut:

- (a) jenis dan amaun pinjaman;
- (b) tujuan pinjaman;
- (c) kadar pulangan, kadar pulangan ingkar (*default interest rate*), caj penalti dan caj-caj lain;
- (d) tempoh bayaran balik pinjaman;
- (e) kaedah bayaran balik pinjaman; dan
- (f) kewajipan peminjam dan pemberi pinjaman serta hak-hak dan bentuk tindakan setiap pihak sekiranya berlaku pelanggaran syarat perjanjian, termasuk:
 - (i) tindakan ke atas kontrak pinjaman tidak dipatuhi; dan
 - (ii) tindakan bagi penyelesaian pinjaman sebelum tempoh matang.

Kawalan Had Pinjaman

25. Pinjaman yang berlebihan merupakan amalan yang tidak berhemat kerana ia boleh memberi kesan negatif kepada kedudukan kewangan koperasi. Pinjaman oleh koperasi daripada anggota atau bukan anggota hendaklah tertakluk kepada had pinjaman berikut:

Pemberi Pinjaman	Had Pinjaman
Bagi setiap anggota	Tidak melebihi 20% daripada jumlah Kumpulan Wang Anggota
Bagi setiap bukan anggota	Tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya

26. Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman adalah tertakluk kepada had keterhutangan koperasi yang telah diluluskan dalam mesyuarat agung. Asas penentuan had keterhutangan koperasi adalah seperti berikut:

Nisbah Kecukupan Modal (NKM)	Had Keterhutangan Koperasi
Lebih daripada 8%	Tidak melebihi 5% jumlah aset
Lebih daripada 10%	Tidak melebihi 10% jumlah aset
Lebih daripada 12%	Tidak melebihi 15% jumlah aset

Nota:

$$\text{Pengiraan NKM} = \frac{\text{Komponen modal asas}}{\text{Jumlah aset}} \times 100\%$$

Komponen modal asas koperasi terdiri daripada:

(a) syer dan yuran;

- (b) keuntungan terkumpul;
- (c) kumpulan wang rizab;
- (d) keuntungan semasa yang belum dibahagikan; dan
- (e) keuntungan modal.

27. Walau apapun para 25 dan 26, had pinjaman dan keterhutangan berkenaan tidak tertakluk kepada apa-apa deposit atau pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan atau koperasi lain.

BAHAGIAN C : KEPERLUAN KAWAL SELIA

TADBIR URUS

Lembaga Koperasi

28. Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan –

- (a) dasar dan piawaian pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman adalah:
 - (i) sepadan dengan aktiviti perniagaannya seperti termaktub dalam undang-undang kecil; dan
 - (ii) bersesuaian dengan kekukuhan modal, kepakaran pengurusan dan risiko koperasi;

- (b) pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman adalah bersesuaian dengan objektif aktiviti perniagaan dan halatuju koperasi;
- (c) aturan-aturan pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman koperasi dibentangkan untuk kelulusan mesyuarat agung. Aturan-aturan itu hendaklah dikaji dari semasa ke semasa dan dipinda sekiranya perlu;
- (d) koperasi dalam setiap masa mengamalkan tadbir urus yang baik;
- (e) pengurusan koperasi yang dipertanggungjawab mempunyai keupayaan untuk mengurus aktiviti pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman;
- (f) proses pengurusan risiko dalam aktiviti pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman adalah mencukupi dan berfungsi;
- (g) suatu sistem penyeliaan yang teratur diwujudkan dalam hal pengurusan pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman oleh koperasi;
- (h) pengurusan likuiditi iaitu pengurusan keperluan mudah tunai minimum dan aset-liabiliti disenggara dengan cekap dan berkesan;
- (i) produk pengambilan simpanan khas dan pengambilan deposit yang disediakan tidak memudaratkan penyimpan/pendeposit; dan

- (j) apa-apa promosi produk pengambilan simpanan khas dan pengambilan deposit tidak bersifat mengelirukan penyimpan/pendeposit.

29. Lembaga hendaklah memantau prestasi portfolio pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman melalui laporan berkala. Sekurang-kurangnya pada setiap suku tahun, Lembaga diberi taklimat oleh pengurusan mengenai keseluruhan portfolio pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman. Lembaga hendaklah mengkaji dan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- (a) prestasi pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman menurut kategori contohnya jenis produk dan kualiti pinjaman;
- (b) kadar faedah atau pulangan ke atas simpanan khas, deposit dan pinjaman;
- (c) pengurusan aset dan liabiliti koperasi dan kesannya terhadap kewangan koperasi; dan
- (d) kawalan dalaman yang berkesan.

Pengurusan

30. Pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman sebagaimana diluluskan oleh Lembaga dan bertanggungjawab menyediakan prosedur-prosedur yang perlu untuk dilaksanakan.

31. Tanggungjawab pengurusan termasuk mewujudkan –

- (a) saluran komunikasi yang teratur dan jelas mengenai dasar pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman untuk dipatuhi oleh pegawai yang terlibat;
- (b) prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan serta kawalan dalaman untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman dalam usaha melaksanakan dasar dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga;
- (c) sistem pengurusan maklumat yang mencukupi dan berkesan untuk memastikan laporan prestasi pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman boleh disediakan dengan cepat, tepat dan berinformasi;
- (d) modal insan yang kompeten dan mencukupi di samping wujudnya penilaian prestasi yang berkaitan aktiviti pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman koperasi;
- (e) melaporkan kepada Lembaga koperasi mengenai semua aspek pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman; dan
- (f) memaklumkan pendedahan risiko dan kualiti pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman serta perkembangan kajian semula ke atas keseluruhan portfolio pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman sekerap yang mungkin.

Jawatankuasa Audit Dalaman

32. Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) hendaklah memastikan wujudnya kawalan dalaman, pengurusan risiko dan prosedur pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman. Di samping itu, JAD perlu memastikan infrastruktur berkenaan adalah mencukupi, dipatuhi dan berfungsi.

PENGURUSAN RISIKO

33. Pengurusan risiko ialah suatu proses untuk melindungi sumber dan aset koperasi daripada kerugian. Amalan pengurusan risiko yang berkesan dapat mengawal atau mengurangkan tahap kerugian yang akan dialami oleh koperasi.

34. Sehubungan itu, Lembaga melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko, sekiranya ada, bertanggungjawab mengamalkan teknik pengurusan risiko yang berkesan dengan mewujudkan –

- (a) rangka kerja dan tatacara yang mencukupi bagi mengenalpasti, memantau dan mengawal risiko;
- (b) prosedur operasi pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman yang mencukupi dan berkesan; dan
- (c) proses kawalan dalaman untuk menilai, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan segala jenis risiko.

35. Dasar dan prosedur pengurusan risiko hendaklah diluluskan oleh Lembaga koperasi dan didokumenkan.

PEMATUHAN PRINSIP SYARIAH

36. Bagi maksud menjalankan aktiviti pengambilan simpanan khas dan deposit atau penerimaan pinjaman berlandaskan prinsip Syariah, koperasi hendaklah merujuk kepada –

- (a) himpunan resolusi Majlis Penasihat Syariah dalam buku yang berjudul “Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam” yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Buku ini diterbitkan sebagai rujukan untuk komuniti kewangan Islam, terutamanya untuk pegawai dan pengamal Syariah; atau
- (b) Suruhanjaya bagi produk-produk lain yang tidak dinyatakan di para (a) di atas.

37. Koperasi hendaklah memastikan proses pematuhan Syariah berkesan disediakan yang merangkumi –

- (a) tadbir urus yang baik; dan
- (b) pemantauan produk Syariah secara berterusan.

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

38. Koperasi hendaklah pada setiap masa memastikan aktivitiya tidak bercanggah dengan undang-undang bertulis lain di antaranya seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (*Anti Money Laundering And Anti Terrorist Financing Act 2001*) supaya integriti dan reputasi koperasi terpelihara.

39. Oleh itu, koperasi bertanggungjawab mewujudkan kawalan-kawalan yang mencukupi terutamanya pelaksanaan usaha wajar (*due diligence*) serta kaedah mengenali pelanggan (*know your customer*) bagi mengelak daripada digunakan sebagai conduit bagi aktiviti tersebut.

PELAPORAN

40. Menurut perenggan 14(1)(c) Akta, koperasi hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki Suruhanjaya berkenaan dengan penubuhan, keanggotaan, pengendalian dan kedudukan kewangan koperasi. Sehubungan ini, koperasi dikehendaki mengemukakan laporan berhubung dengan pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman yang mengikut format yang disediakan oleh Suruhanjaya pada tiap-tiap setengah tahun seperti di **Lampiran 2**.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA


41. Garis Panduan Mengenai Pengambilan Deposit dan Meminjam Wang Oleh Koperasi Kredit yang dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 11 Tahun 2005 adalah dengan ini dibatalkan.

42. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

43. Garis panduan ini dikuat kuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATO' MANGSOR BIN SAAD)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 5-5-2010

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”

Permohonan Pinjaman/Pembiayaan Daripada Bukan Anggota (Institusi Kewangan Atau Sumber-Sumber Lain)

Dokumen yang diperlukan untuk memproses permohonan adalah:

1. Surat permohonan:
 - (a) Latar belakang koperasi; dan
 - (b) Prestasi kewangan koperasi.

2. Kertas kerja tujuan pinjaman/pembiayaan diterima:
 - (a) Perjanjian antara koperasi dan bukan anggota;
 - (b) Tujuan, jumlah, jenis, terma, syarat dan jangka masa pinjaman/pembiayaan;
 - (c) Modus operandi/carta aliran pinjaman/pembiayaan yang diterima oleh koperasi;
 - (d) Kos atau faedah/pulangan yang terlibat;
 - (e) Peranan koperasi dan bukan anggota dalam hal pinjaman/pembiayaan yang diterima oleh koperasi;
 - (f) Justifikasi bagi pinjaman diperlukan (Analisis SWOT);
 - (g) Pengurusan risiko; dan

(h) Unjuran bayaran balik pinjaman.

3. Penyata kewangan teraudit 3 tahun terakhir;
4. Cabutan minit mesyuarat agung yang meluluskan had maksimum keterhutangan;
5. Cabutan minit mesyuarat Lembaga yang meluluskan permohonan pinjaman/pembiayaan daripada bukan anggota;
6. Penyata Terimaan dan Bayaran (Akaun Pengurusan) bagi 3 bulan terakhir;
7. Penyata Aset Mudah Tunai; dan
8. Maklumat-maklumat lain yang perlu dari aspek ekonomi bagi menyokong permohonan.

CONTOH

LAMPIRAN 2

LAPORAN PRESTASI

PENGAMBILAN SIMPANAN KHAS/DEPOSIT DAN PENERIMAAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN PADA TARIKH BERAKHIR 30 JUN / 31 DISEMBER

1. Koperasi :
2. Tarikh/Bilangan Daftar :
3. Tarikh Audit Akhir :
4. Tarikh Mesyuarat Agung Terakhir :
5. Pengambilan Deposit

Bil	Jenis Produk	Nilai Simpanan Khas/Deposit/ Pelaburan (RM)	Tempoh	Pulangan / Faedah diberi	**Fi / Caj (RM)	Kelulusan MA	Kelulusan Suruhanjaya
1.	Simpanan tetap	1 Juta	1	2%	-	15 Februari 2010	21 Mei 2010
		4 Juta	2	2.3%	-	-	-
		3 Juta	3	3%	-	-	-
		1 Juta	9	3.5%	-	-	-
		1 Juta	12	4%	-	-	-
	Jumlah	10 Juta	-	-	-	-	-
2.	Pelaburan Etiqa	3 Juta	2	3.5%	50	2 Februari 2010	3 Mei 2010

Nota : i) ** - Jika ada, sila butirkan
ii) MA – Mesyuarat Agung

6. Pinjaman/pembiayaan daripada institusi kewangan dan sumber-sumber lain.

Bil	Pinjaman/Pembiayaan											
	Nama Pemberi	Tujuan	Tarikh Kelulusan	Jumlah	Tempoh	Kadar Faedah / Bayaran Perkhidmatan	Kaedah Bayaran Balik	Baki Tertunggak	Cagaran	**Had keterhutangan koperasi yang diluluskan MA	Tarikh Kelulusan MA	Tarikh Kelulusan Suruhanjaya
1.	CIMB	Pinjaman kepada ahli	21 Mac 2010	20 Juta	10 Tahun	- 5% setahun - caj Perjanjian RM50 - Fi komitmen 1%	Suku tahun		Bangunan	40 Juta		

Nota : i) ** - Rujuk kepada perenggan 26 Garis Panduan ini
 ii) MA – Mesyuarat Agung